

KONSEP KEUSAHAWANAN ISLAM YANG LESTARI

Secara amnya, perbincangan keusahawanan yang diutarakan oleh para sarjana begitu luas skopnya. Oleh yang demikian, bagi mencapai objektif, penulisan bidang keusahawanan ini hanya difokuskan dalam konteks ekonomi dan perdagangan sahaja. Sebagai contoh, pengusaha dalam bidang perniagaan, perladangan, pertanian, pembinaan, penternakan dan perkhidmatan. Dari pentas retrospektif sejarah Islam, penglibatan golongan Muslim dalam dunia keusahawanan bukanlah satu fenomena yang asing. Kecenderungan orang-orang Islam dalam aktiviti sedemikian telah berlangsung hampir 15 abad yang silam.

Umat Islam terdahulu telah berjaya menempa nama sebagai individu usahawan yang berjaya dan menjadi model yang terbaik untuk dicontohi oleh golongan usahawan pada hari ini. Nabi Muhammad SAW, Saidina Abu Bakr RA, Saidina Uthman bin `Affan, Saidina `Umar al-Khattab, Zaid bin Arqam, Talhah bin `Ubaid al-Allah, `Abd al-Rahman al-`Auf dan sebagainya adalah individu-individu yang begitu cemerlang sebagai usahawan dan peniaga. Melalui aktiviti perdagangan dan keusahawanan amnya, pengaruh syiar Islam telah berjaya disebarkan ke wilayah-wilayah negara Arab yang lain dan secara tidak langsung ia telah berjaya melahirkan negara-negara kota Islam yang cemerlang dalam bidang perdagangan. Perkembangan yang positif ini telah menyaksikan sebahagian daripada kota-kota Islam seperti kota Mekah menjadi pusat perdagangan yang terkenal.

DEFINISI KEUSAHAWANAN ISLAM

Dalam konteks fahaman Islam, keusahawanan merupakan sebahagian daripada aktiviti yang berkaitan dengan bidang ekonomi. Atas asas tersebut, bidang keusahawanan dilihat sebagai orientasi kemajuan ekonomi dan perdagangan yang mempunyai objektif untuk kesejahteraan umat manusia. Golongan cendekiawan Islam seperti Sayyid Abul-`Ala Al-Maududi, Sayyid al-Qutb dan Muhammad Baqir al-Sadr secara umumnya telah bersetuju bahawa ajaran Islam menghargai aktiviti keusahawanan. Pelaksanaan aktiviti tersebut bukan hanya diskopkan terhadap aspek ekonomi sahaja namun ia juga turut merentasi bidang sains, teknologi, sosial, perdagangan, budaya dan pelbagai institusi yang lain. Melihat kepada kepentingan tersebut, pada dasarnya aspek keusahawanan dilihat sebagai penjana atau pemangkin yang merangsang kepada pelbagai bidang keperluan manusia.

Oleh yang demikian, insan yang ditaklifkan sebagai pemakmur alam ini, dituntut oleh agama untuk menggembelngkan sepenuh daya dan tenaga melakukan pelbagai aktiviti yang bertemakan kebajikan dan kebaikan bagi memenuhi fitrah keperluannya dan juga untuk disumbangkan kepada institusi masyarakat dan makhluk lain amnya. Manifestasi falsafah nilai keusahawanan ini digarap daripada petunjuk Allah SWT dalam Al-Quran yang bermaksud:

Maksudnya:

"Dan katakanlah: "bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."

(al-Taubah: 105)